



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
TINGKAT 3-15,  
WISMA BERNAMA,  
JALAN TUN RAZAK,  
5010 KUALA LUMPUR

Telefon: 2938444—samb.  
Kawal: "FESTOFF KUALA LU"

Ruj. Tuanku:

Ruj. Kami: JPA.SULIT. 324,  
Klt.5/(61)

Tarikh: 27 Februari 19

• Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurus Badan Berkanun  
Semua Ketua Pengurus Penguasa Tempatan

Tuan,

Pelaksanaan Skim Perkhidmatan Pegawai Eksekutif B9,B3/B1 ke Pentadbiran Negeri, Badan Berkanun dan Penguasa Tempatan

Adalah saya dengan hormatnya diarah menaklukkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk skim perkhidmatan Pegawai Eksekutif B9,B3/B1 yang dilaksana di peringkat Persekutuan di bawah penyusunan sewula struktur perkhidmatan pentadbiran dipanjangkan pemakaianya ke peringkat pentadbiran negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan mengikut kaedah dan tatacara pelaksanaan yang ditetapkan di peringkat Persekutuan. Skim Perkhidmatan Pegawai Eksekutif berkenaan adalah seperti di Lampiran 'A'.

## 2. Kaedah dan Tatacara Pelaksanaan

2.1. Selaras dengan persetujuan ini, maka diperturun di bawah ini kaedah dan tatacara pelaksanaan untuk panduan tindakan negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan :-

- (a) pemanjangan ini adalah tertakluk kepada setuju terima pakai oleh pihak berkuasa negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan;
- (b) jika disetuju terima pakai, peranan untuk peringkat perkhidmatan Pegawai Eksekutif ini hendaklah diselaras dan ditetapkan seperti garis panduan yang ditunjuk di Lampiran 'B';

- (c) perkhidmatan Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir B11,B4,B2 hendaklah dijumaukan dan jawatan-jawatannya dikaji semula untuk tujuan penggredan sewala kepada jawatan Pegawai Eksekutif atau lain-lain jawatan yang mencerminkan peranan/tugas sebenar yang dijalankan;
- (d) pengambilan baru atas keperluan, adalah ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif sahaja, dan iklan jawatan seperti di Lampiran 'A1' boleh digunakan tanpa pindaan; jika ada keperluan untuk pindaan, ianya perlu dirujuk dahulu kepada JPA untuk pertimbangan;
- (e) Pegawai-pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan pertukaran tetap perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif seperti berikut :-
- (i) Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir, Tingkatan Biasa B11 ke perkhidmatan Pegawai Eksekutif, Tingkatan Biasa B9;
  - (ii) Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir, Tingkatan Kanan B4 ke perkhidmatan Pegawai Eksekutif, Tingkatan Kanan B3/B1 di atas tanggagaji B3; dan
  - (iii) Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir, Tingkatan Tinggi B2 ke perkhidmatan Pegawai Eksekutif Tingkatan Kanan B3/B1 di atas tanggagaji B1 dengan mengekalkan gelaran Tingkatan Tinggi secara KOP.

Syarat-syarat pertukaran tetap perkhidmatan serta dokumen-dokumen yang berkaitan untuk tujuan urusan ini adalah seperti di Lampiran 'C', 'C1' hingga 'C6'.

- (f) pemindahan gaji Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir ke perkhidmatan Pegawai Eksekutif ini nendaklah berasaskan sifir-sifir pemindahan gaji di Lampiran 'D', 'D1' dan 'D2';
- (g) tarikh kenaikan gaji pegawai-pegawai yang terlibat dalam pemindahan gaji ini adalah tidak berubah kecuali dalam keadaan di mana dua atau lebih matagaji atas susunan tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji di atas susunan tanggagaji yang baru. Dalam keadaan sedemikian, tarikh kenaikan gaji mereka adalah berubah mengikut peraturan di Lampiran 'E', 'E1' dan 'E2'. Bagaimanapun, berdasarkan kepada peruntukan di perenggan 5.2, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977, mereka yang berada pada matagaji maksima di atas tanggagaji dalam skim perkhidmatan yang lama selama satu tahun atau lebih pada tarikh berkuatkuasa pertukaran tetap perkhidmatan ini, maka tarikh kenaikan gaji mereka adalah ditetapkan pada 1 haribulan bulan yang berikutnya dengan tarikh berkuatkuasanya pertukaran tetap perkhidmatan ini;
- (h) tarikh kuatkuasa pertukaran tetap perkhidmatan ini adalah pada 1.7.89, iaitu sama seperti yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan.

3. Penggredan Semula Ke Perkhidmatan Pegawai Eksekutif dan Tindakan Susulan Mendapatkan Waran Perjawatan/Surat Kuasa Perjawatan

3.1. Perkhidmatan Pegawai Eksekutif Tingkatan Kanan telah diperuntuk tanggagaji bertindih B3/B1, sementara di Tingkatan Biasa dikekalkan satu tanggagaji sahaja iaitu atas B9. Selaras dengan ini, maka tugas dan peranan yang dahulunya dikendali oleh 3 gred Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir, perlu diselaraskan kepada 2 gred sahaja di bawah perkhidmatan Pegawai Eksekutif.

3.2. Tugas dan peranan di peringkat Pegawai Eksekutif Tingkatan Kanan akan merupakan tugas dan peranan yang dahulunya dikendali di peringkat Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir Tingkatan Kanan dan Tingkatan Tinggi selain dari tugas-tugas kerja/pelaksana yang sekarang ini mungkin dikendali di peringkat Pegawai Tadbir Tingkatan Biasa.

3.3. Pihak negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan dipohon mengambil tindakan segera menyelaras pembahagian semula peranan dan tugas ini dan mengemukakan kesannya ke atas perjawatan di bawah perkhidmatan Pegawai Eksekutif kepada Bahagian Perjawatan JPA, menerusi Setiausaha Kerajaan Negeri/Kementerian mana berkaitan untuk tindakan susulan memperakukan perubahan perjawatan kepada Perbendaharaan.

3.4. Peningkatan tanggagaji B3 ke B1 akan diasaskan kepada syarat-syarat melangkah sekatan kecekapan seperti yang ditetapkan di bawah syarat-syarat skim perkhidmatan Pegawai Eksekutif di Lampiran 'A'. Tarikh kuatkuasa peningkatan dari B3 ke B1 adalah pada tarikh semasa, iaitu pada atau selepas sesuatu urusan melangkah sekatan kecekapan itu diadakan. Garis panduan mengenai kriteria kecermerlangan yang boleh dipakai untuk tujuan ini akan dimaklumkan kepada pentadbiran negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan kemudian.

Negeri, Badan Berkanun dan Penguasa Tempatan  
Yang Mengelakkkan Perkhidmatan Pegawai Kerja  
dan Penolong Pegawai Tadbir Yang Menolak  
Tawaran Memasuki Perkhidmatan Pegawai Eksekutif

4.1. Negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan yang memutuskan untuk mengekalkan perkhidmatan Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir (yakni tidak menyetuju terima pakai perkhidmatan Pegawai Eksekutif) bolehlah berbuat demikian dengan memaklumkan keputusan itu secara rasmi kepada jabatan ini. Dalam keadaan sedemikian Skim Perkhidmatan Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir adalah dikekalkan pemakaianya untuk negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan itu sahaja.

4.2. Skim Perkhidmatan Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir juga adalah dikekalkan untuk Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang tidak memilih untuk memasuki perkhidmatan Pegawai Eksekutif.

Pemberian Pendahuluan Kenaikan Gaji 5%  
Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/91

5.1. Berikut dengan keputusan kerajaan memanjangkan pemakaian skim perkhidmatan Pegawai Eksekutif ke pentadbiran negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan maka

pemberian pendahuluan kenaikan gaji 5% bagi Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir yang terlibat di bawah urusan pertukaran tetap perkhidmatan ke perkhidmatan Pegawai Eksekutif ini hendaklah ditangguhkan. Pemberian pendahuluan kenaikan gaji 5% mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/91 bagi Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir berkenaan akan ditentukan apabila urusan pertukaran tetap perkhidmatan mereka ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif selesai dilaksanakan.

6. Jadual Tindakan

6. 1. Tawaran pertukaran tetap perkhidmatan ini perlu dikendali oleh pihak berkuasa melantik negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan.

6. 2. Adalah disyorkan supaya tawaran pertukaran tetap perkhidmatan kepada Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir berkenaan dapat dikeluarkan selewat-lewatnya pada 30.4.1991 dan tarikh tutup opsyen ditetapkan pada 31.5.1991. Dengan cara ini, bilangan Pegawai Kerja dan Penolong Pegawai Tadbir yang menerima pertukaran tetap perkhidmatan ke perkhidmatan Pegawai Eksekutif ini boleh ditentukan pada 1.6.1991 bagi membolehkan pihak negeri, badan berkanun dan penguasa tempatan mengambil tindakan susulan dari segi perjawatan/surat kuasa perjawatan.

7. Hubungi JPA (Bahagian Perjawatan)  
Jika Ada Masalah

7. 1. Sebarang masalah mengenai urusan di atas bolehlah dirujuk kepada jabatan ini (Bahagian Perjawatan) untuk perbincangan dan penyelesaian.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

*Abdul Halim*

( HAJI ABDUL HALIM BIN ABBUD SALAM )  
Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Awam II  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

s.k.

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kewangan,  
(Bahagian Pentadbiran),  
(Bahagian Belanjawan),  
Tingkat 11 - 13, Khazanah Malaysia,  
Jalan Duta,  
KUALA LUMPUR.

Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri,  
Negeri Selangor,  
Tingkat 5, Podium Utara,  
40510 Shah Alam.  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri,  
Negeri Terengganu,  
Tingkat 7, Wisma Darul Iman,  
20200 Kuala Terengganu.  
TERENGGANU DARUL IMAN.

Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah,  
Peti Surat 10998,  
88811 Kota Kinabalu,  
SABAH.

Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri,  
Negeri Sarawak,  
Tingkat Bawah, Bangunan Yayasan Sarawak,  
Jalan BARICK,  
93521 Kuching,  
SARAWAK.

Setiausaha,  
Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan  
Bagi Pekerja-pekerja Dalam Kuasa-kuasa Tempatan,  
76-1, Wisma ANULAE,  
Jalan Raja Bot,  
50300 KUALA LUMPUR.

Setiausaha,  
Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan  
Bagi Pekerja-pekerja Dalam Badan-badan Berkanun,  
No. 3A, Tingkat Satu,  
Bangunan Tong Nam,  
Jalan Travers,  
Brickfields,  
50470 KUALA LUMPUR.

Edaran Dalam

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia,  
Jabatan Perkhidmatan Awam,  
KUALA LUMPUR.

Pimbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam I,  
Jabatan Perkhidmatan Awam,  
KUALA LUMPUR.

Semua Pengarah Bahagian,  
Jabatan Perkhidmatan Awam.

- Bahagian Gaji dan Elaun (7 salinan)
- Bahagian Perkhidmatan (9 salinan)
- Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya (2 salinan)
- Bahagian Pencen (2 salinan)
- Bahagian Perundingan (2 salinan)
- INTAN (2 salinan)
- Bahagian Perjawatan (semua Unit/pegawai berkenaan)
- Bahagian Pentadbiran (4 salinan)